

SEKSYEN 3

Pengurusan Hutang dan Risiko Fiskal

41 PERSPEKTIF KESELURUHAN

41 PEMBIAYAAN

42 HUTANG KERAJAAN PERSEKUTUAN

45 HUTANG LUAR MALAYSIA

46 HUTANG SEKTOR AWAM

**47 PENDEDAHAN HUTANG DAN
LIABILITI**

48 JAMINAN KERAJAAN

49 LIABILITI LAIN

50 TINJAUAN TERKINI 2023

50 KESIMPULAN

SEKSYEN 3

Pengurusan Hutang dan Risiko Fiskal

Perspektif Keseluruhan

Pada 2022, ekonomi dunia mengalami kadar inflasi dan faedah yang tinggi serta gangguan bekalan yang berterusan. Kesannya, dasar monetari telah diperketat oleh bank pusat seterusnya meningkatkan kos pinjaman. Pada peringkat domestik, pinjaman Kerajaan Persekutuan kekal tinggi bagi menyediakan sokongan fiskal dan mempercepat pemulihian ekonomi pascapandemik. Keadaan ini menjelaskan komitmen untuk konsolidasi hutang supaya kembali ke paras prakrisis. Pendedahan jaminan kerajaan (GG) kekal pada paras sederhana disebabkan oleh pelaksanaan dasar yang pragmatik oleh Kerajaan bagi menangani kesan pandemik terhadap kesejahteraan hidup rakyat. Namun begitu, Kerajaan akan terus memantau pendedahan risiko dan liabiliti sebagai sebahagian daripada usaha menambah baik pengurusan risiko ke arah memperkuuh keupayaan fiskal.

Pembentangan

Pinjaman kasar Kerajaan Persekutuan pada 2022 mencatat RM230.9 bilion atau 12.9% daripada KDNK (2021: RM210.1 bilion; 13.6%). Lebih separuh daripada jumlah pinjaman kasar iaitu RM131.5 bilion (57%) digunakan untuk membentengi hutang yang matang manakala bakinya untuk membentengi defisit termasuk perbelanjaan pakej bantuan COVID-19. Pembentangan hutang yang matang terdiri daripada Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS) sebanyak RM29 bilion, Terbitan Pelaburan Kerajaan Malaysia (MGII) (RM37 bilion), Bil perbendaharaan (RM56.2 bilion), Sukuk Perumahan Kerajaan (SPK) (RM9 bilion) dan pinjaman luar pesisir (RM0.3 bilion).

JADUAL 3.1. Pembentangan Kerajaan Persekutuan 2021 – 2022

	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022	2021	2022
Pinjaman kasar	210,140	230,949	100.0	100.0
Dalam negeri	204,863	230,949	97.5	100.0
MGS	83,000	86,500	39.5	37.5
MGII	77,000	85,000	36.6	36.8
Bil perbendaharaan	44,863	59,449	21.4	25.7
Luar pesisir	5,277	-	2.5	0.0
Pinjaman pasaran	5,277 ²	-	2.5	0.0
Pinjaman projek	-	-	0.0	0.0
Bayaran balik	109,822	131,528	100.0	100.0
Dalam negeri	106,279	131,262	96.8	99.8
Luar pesisir	3,543	266	3.2	0.2
Pinjaman bersih	100,318	99,421	-	-
Dalam negeri	98,584	99,687	-	-
Luar pesisir	1,734	-266	-	-
Perubahan aset¹	-1,578	61	-	-
Jumlah pembentangan defisit	98,740	99,482	-	-

¹ (+) menunjukkan pengurangan aset; (-) menunjukkan pertambahan aset

² Amaun termasuk Sukuk Kelestarian berjumlah USD800 juta atau RM3,247 juta

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Pinjaman domestik kekal sebagai sumber pembentangan utama memandangkan kecairan mencukupi dalam pasaran. Terbitan MGS mencatat RM86.5 bilion atau 37.5% daripada jumlah pinjaman kasar, manakala MGII sebanyak RM85 bilion atau 36.8%. Di samping itu, terimaan daripada terbitan bil perbendaharaan sebanyak RM59.4 bilion digunakan untuk pengurusan tunai dan mudah tunai Kerajaan.

Kerajaan terus mengukuhkan komitmen Malaysia terhadap Agenda Pembangunan Mampan 2030 berikutan kejayaan penerbitan sukuk global 2021. Pada 30 September 2022, Kerajaan buat julung kalinya menerbitkan MGII Lestari bertempoh matang 15 tahun berjumlah RM4.5 bilion dengan kadar keuntungan 4.662%. Terbitan ini mempertingkatkan penglibatan Kerajaan dalam pembiayaan ESG. Terbitan MGII Lestari menerima permintaan menggalakkan daripada pelabur yang mencatatkan lebih lanjut sebanyak 2.38 kali menggambarkan keyakinan pelabur terhadap ekonomi Malaysia yang berdaya tahan. Pelabur utama terbitan ini ialah institusi kewangan tempatan (50.3%) diikuti pelabur institusi (38.4%), syarikat insurans (7.2%) dan pelabur asing (4.1%). Instrumen MGII Lestari merupakan terbitan domestik pertama Kerajaan bertemakan ESG yang menjadi penanda aras baharu dan meletakkan Malaysia sebagai peneraju kewangan Islam global seterusnya mengukuhkan kedudukan negara sebagai pasaran sukuk terbesar di dunia.

Profil terbitan kertas hutang Kerajaan Persekutuan disesuaikan bagi memenuhi permintaan pelbagai kategori pelabur dan membolehkan Kerajaan memperoleh pinjaman mengikut tempoh matang yang berbeza. Komposisi kertas hutang bagi instrumen jangka pendek dan sederhana (kurang dari 10 tahun) kekal tinggi iaitu 57.3% daripada jumlah pinjaman kasar manakala instrumen jangka panjang (10 tahun dan ke atas) sebanyak 42.7%. Secara keseluruhan, purata wajaran tempoh matang Kerajaan bagi terbitan 2022 kekal pada paras 9.3 tahun. Purata ini selaras dengan objektif pengurusan hutang Kerajaan iaitu mengurangkan risiko pembiayaan semula dan memastikan profil kematangan yang terurus.

Kerajaan menerima bidaan berjumlah RM312.3 bilion untuk terbitan pasaran MGS dan MGII dengan nisbah bidaan kepada terbitan (BTC) sebanyak 2.24 kali (2021: 2.07 kali), manakala BTC bagi terbitan kertas baharu mencatat

nisbah yang lebih tinggi sebanyak 3 mata asas (bps). Di samping itu, permintaan kertas hutang MGII adalah jauh lebih tinggi sebanyak 2.43 kali berbanding MGS iaitu 2.04 kali. Permintaan kertas jangka sederhana mencatat 2.20 kali manakala kertas jangka panjang sebanyak 2.28 kali. Nisbah BTC yang stabil menunjukkan permintaan kukuh terhadap sekuriti Kerajaan walaupun berhadapan dengan ketidaktentuan ekonomi global dan domestik.

Rizab Persekutuan AS (Fed) telah menaikkan kadar faedah sebanyak 425 bps sepanjang 2022 dalam usaha berterusan untuk mencapai sasaran kadar inflasi pada paras 2%. Kenaikan kadar faedah Fed turut memberi kesan kepada prestasi aliran asing dan kadar hasil MGS. BNM telah melaksanakan beberapa langkah bagi memastikan pasaran kewangan domestik kekal berdaya tahan antaranya meningkatkan OPR sebanyak 100 bps daripada 1.75% kepada 2.75%. Pada akhir 2022, kadar hasil MGS telah meningkat dengan purata 57 bps, iaitu 3-tahun kepada 3.645%, 5-tahun kepada 3.843%, 7-tahun kepada 4.040% dan 10-tahun kepada 4.370%. Secara keseluruhan, purata wajaran kos pinjaman Kerajaan mencatatkan 3.765% pada 2022 (2021: 3.299%) terutamanya disebabkan oleh dasar monetari yang diketatkan.

Hutang Kerajaan Persekutuan

Kerajaan telah meningkatkan had statutori hutang daripada 55% kepada 65% daripada KDNK dalam tempoh pandemik menerusi pengubalan Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) 2020 [Akta 830]¹ bagi menyediakan ruang fiskal untuk membayai pakej rangsangan dan pemulihan ekonomi yang bertujuan mengurangkan impak krisis COVID-19. Mengambil kira kesan daripada krisis COVID-19 serta keperluan pembiayaan bagi meneruskan program dan projek pemulihan pascapandemik, Kerajaan telah

¹ Had statutori hutang di bawah Akta 830 telah dipinda daripada 60% kepada 65% daripada KDNK menerusi Akta A1635.

JADUAL 3.2. Perundangan Hutang

AKTA	HAD STATUTORI	AKHIR 2022
Akta Pinjaman (Tempatan) 1959 [Akta 637]¹	MGS, MGII dan MITB terkumpul tidak melebihi 65% daripada KDNK	57.7% daripada KDNK (RM1,032 bilion)
Akta Pendanaan Kerajaan 1983 [Akta 275]²		
Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Pembiayaan Kerajaan (Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19)) (Pindaan) 2021 [Akta A1635]³		
Akta Pinjaman Luar Negeri 1963 [Akta 403]	Pinjaman luar pesisir tidak melebihi RM35 bilion	RM29.5 bilion
Akta Bil Perbendaharaan (Tempatan) 1946 [Akta 188]	MTB tidak melebihi RM10 bilion	RM9 bilion

¹ Instrumen diterbitkan di bawah Akta 637 ialah MGS² Instrumen diterbitkan di bawah Akta 275 ialah MGII dan MITB³ Had statutori hutang pada paras 55% daripada KDNK di bawah Akta 637 dan Akta 275 digantung sementara sepanjang Akta A1635 berkuat kuasa

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

mengekalkan had statutori hutang iaitu 65% daripada KDNK dengan mewartakan Perintah Pinjaman (Tempatan) (Had Statutori Pinjaman) dan Pendanaan Kerajaan (Had Statutori Wang yang Diterima) 2022 [P.U. (A) 399/2022] berkuat kuasa pada 1 Januari 2023. Pada akhir 2022, hutang Kerajaan Persekutuan mencatatkan RM1,079.6 bilion atau 60.4% daripada KDNK dengan jumlah hutang terkumpul bagi setiap instrumen kekal tidak melebihi had statutori yang ditetapkan di bawah Akta berkaitan.

Hutang Kerajaan Persekutuan merangkumi 97.3% sekuriti berdenominasi ringgit manakala baki sebanyak 2.7% adalah dalam mata wang asing yang meminimumkan pendedahan terhadap risiko pertukaran mata wang asing. Hutang dalam negeri berjumlah RM1,050.1 bilion terutamanya merangkumi sekuriti jangka

sederhana dan panjang iaitu MGS dan MGII sebanyak 51.2% dan 44.9% daripada jumlah hutang dalam negeri serta SPK berjumlah RM9.1 bilion atau 0.9%. Sementara itu, Bil Perbendaharaan Malaysia (MTB) dan Bil Perbendaharaan Islam Malaysia (MITB) yang merupakan instrumen jangka pendek merekodkan RM31.5 bilion atau 3% daripada jumlah hutang dalam negeri.

Pinjaman luar pesisir yang terdiri daripada pinjaman pasaran dan pinjaman projek berjumlah RM29.5 bilion dengan 64% berdenominasi dolar AS, 35.7% yen dan 0.3% mata wang lain. Pinjaman pasaran merangkumi sukuk global dan bon Samurai mencatatkan RM25.5 bilion manakala pinjaman projek daripada perjanjian bilateral dan multilateral sedia ada merekodkan RM4 bilion.

**JADUAL 3.3. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Instrumen
2021 – 2022**

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022	2021	2022	2021	2022
Hutang dalam negeri	950,084	1,050,078	97.0	97.3	61.5	58.7
MGS	480,718	538,178	49.1	49.9	31.1	30.1
MGII	423,266 ¹	471,300	43.2	43.7	27.4	26.3
SPK	18,100	9,100	1.8	0.8	1.2	0.5
Bil perpendaharaan	28,000	31,500	2.9	2.9	1.8	1.8
Pinjaman luar pesisir	29,730	29,513	3.0	2.7	1.9	1.7
Pinjaman pasaran	25,147	25,543	2.5	2.3	1.6	1.5
Pinjaman projek	4,583	3,970	0.5	0.4	0.3	0.2
Jumlah	979,814	1,079,591	100.0	100.0	63.4	60.4
<i>Item memorandum:</i> Pemegangan hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	241,846	233,208	25.5	22.2	15.6	13.0

¹ Termasuk Sukuk Prihatin

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

DSC bagi 2022 mencatatkan RM41.3 bilion atau 2.3% daripada KDNK (2021: RM38.1 bilion; 2.5%). Nisbah DSC kepada hasil bertambah baik kepada 14% (2021: 16.3%) disebabkan oleh pertumbuhan hasil yang lebih tinggi berbanding DSC. Kos pembiayaan bagi terbitan dalam negeri berjumlah RM40.6 bilion manakala RM0.7 bilion untuk terbitan luar pesisir. Kesan volatiliti pertukaran mata wang asing kepada pembiayaan luar pesisir adalah minimum memandangkan jumlah hutang dalam mata wang asing yang rendah. Purata wajaran kadar hasil ke atas hutang dalam negeri pada akhir 2022 kekal stabil pada 4.031% (2021: 3.960%) meskipun persekitaran kadar faedah yang semakin tinggi pada peringkat global.

Pada akhir September 2022, komposisi pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan terdiri daripada 75.2% pemastautin dan

24.8% bukan pemastautin. Pemegangan pemastautin meningkat kepada RM807.8 bilion (2021: RM712.5 bilion) terutamanya daripada institusi perbankan iaitu 35.8% serta pelabur institusi kukuh dan berjangka panjang sebanyak 31.6% merangkumi Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (24.2%), syarikat insurans (4.6%) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (2.8%). Sementara itu, BNM mempunyai pegangan sebanyak 4.1%, institusi kewangan pembangunan (2.1%) dan pemegangan pemastautin lain (5.7%).

Pemegangan bukan pemastautin stabil sekitar RM267 bilion (2021: RM267.3 bilion). Institusi jangka panjang iaitu bank pusat dan kerajaan, dana persaraan dan syarikat insurans merupakan pemegang bukan pemastautin terbesar sebanyak 12%. Pemegangan ini diikuti oleh pengurus dana (7.9%), institusi perbankan (4.5%) dan bukan pemastautin lain (0.5%).

JADUAL 3.4. *Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang 2021 – 2022*

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022³	2021	2022³	2021	2022³
Pemastautin	712,506	807,794	72.7	75.2	46.1	45.2
Kumpulan Wang Simpanan Pekerja	235,712	259,820	24.1	24.2	15.3	14.5
Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan)	29,436	30,372	3.0	2.8	1.9	1.7
Syarikat insurans	46,020	49,281	4.7	4.6	3.0	2.8
Bank Negara Malaysia	25,094	44,175	2.6	4.1	1.6	2.5
Institusi perbankan	303,363	341,209	30.9	31.7	19.6	19.1
Institusi kewangan pembangunan	18,235	22,157	1.9	2.1	1.2	1.2
Lain-lain ¹	54,646	60,780	5.5	5.7	3.5	3.4
Bukan pemastautin	267,308	266,985	27.3	24.8	17.3	14.9
Pengurus dana	94,972	85,136	9.7	7.9	6.1	4.8
Bank pusat dan kerajaan	78,880	73,971	8.0	6.9	5.1	4.1
Institusi perbankan	33,376	47,462	3.4	4.4	2.2	2.7
Dana persaraan	44,657	46,963	4.6	4.4	2.9	2.6
Syarikat insurans	7,957	7,943	0.8	0.7	0.5	0.4
Lain-lain ²	7,466	5,510	0.8	0.5	0.5	0.3
Jumlah	979,814	1,074,779	100.0	100.0	63.4	60.1

¹ Termasuk badan berkanun, syarikat penamaan dan amanah, syarikat kerjasama, sekuriti yang disimpan oleh pelabur institusi dalam bank pusat dan butiran yang tidak dapat diklasifikasikan

² Termasuk individu, syarikat bukan kewangan, institusi multilateral dan bilateral serta sektor yang tidak dapat dikenal pasti

³ Akhir September 2022

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Hutang Luar Malaysia

Pada akhir September 2022, hutang luar² meningkat sebanyak 8.1% kepada RM1,169.4 bilion atau 65.4% daripada KDNK terutamanya disebabkan oleh peningkatan pinjaman luar pesisir dan deposit bukan pemastautin serta kesan penilaian daripada tukaran mata wang asing berikutan kenaikan nilai dolar AS. Pinjaman luar pesisir meningkat kepada RM646.7 bilion atau 55.3% daripada jumlah hutang luar terutamanya disebabkan oleh pinjaman antara bank yang lebih tinggi dan pinjaman berdenominasi mata wang asing bersih oleh sektor swasta.

Pemegangan hutang luar oleh bukan pemastautin yang merangkumi sekuriti hutang dalam denominasi ringgit dan deposit meningkat kepada RM365.7 bilion berikutan deposit yang lebih tinggi iaitu RM111.4 bilion. Lain-lain hutang luar turut meningkat kepada RM157 bilion disebabkan oleh kredit perdagangan yang lebih tinggi. Secara keseluruhan, hutang luar kekal terurus didorong profil kematangan hutang yang baik dengan komposisi hutang jangka sederhana dan panjang yang tinggi iaitu 58.5% berbanding hutang jangka pendek sebanyak 41.5%. Ketersediaan rizab mata wang asing yang mencukupi dapat mengurangkan risiko pembiayaan semula liabiliti luar jangka pendek.

² Hutang luar terdiri daripada pinjaman luar pesisir sektor awam dan swasta, pemegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin serta hutang luar lain.

JADUAL 3.5. Hutang Luar

2021 – 2022

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ³	2021	2022 ³	2021	2022 ³
Pinjaman luar pesisir	591,958	646,702	54.7	55.3	38.3	36.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	391,393	403,545	36.2	34.5	25.3	22.6
Sektor awam	162,829	160,759	15.1	13.7	10.5	9.0
Kerajaan Persekutuan	25,461	25,447	2.4	2.2	1.6	1.4
Syarikat awam	137,368	135,312	12.7	11.6	8.9	7.6
Sektor swasta	228,563	242,785	21.1	20.8	14.8	13.6
Hutang jangka pendek	200,565	243,157	18.5	20.8	13.0	13.6
Pegangan sekuriti hutang dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin	255,056	254,327	23.6	21.7	16.5	14.2
Hutang jangka sederhana dan panjang	246,098	238,109	22.7	20.4	15.9	13.3
Kerajaan Persekutuan	232,510	225,713	21.5	19.3	15.0	12.6
Lain-lain ¹	13,588	12,396	1.3	1.1	0.9	0.7
Hutang jangka pendek	8,958	16,218	0.8	1.4	0.6	0.9
Deposit bukan pemastautin	99,902	111,401	9.2	9.5	6.5	6.2
Lain-lain²	135,146	157,003	12.5	13.4	8.7	8.8
Jumlah	1,082,061	1,169,433	100.0	100.0	70.0	65.4

¹ Termasuk sektor swasta dan syarikat awam² Termasuk kredit perdagangan, peruntukan Hak Pengeluaran Khas IMF dan lain-lain³ Akhir September 2022

Nota: Jumlah angka mungkin berbeza disebabkan pembundaran

Sumber: Bank Negara Malaysia

Hutang Sektor Awam

Pada akhir September 2022, hutang sektor awam yang merangkumi obligasi hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri, badan berkanun dan syarikat awam bukan kewangan (SABK) meningkat sebanyak 7% kepada RM1,484.8 bilion atau 83% daripada KDNK disebabkan terutamanya oleh peningkatan hutang Kerajaan Persekutuan daripada 70.6% kepada 72.4% daripada jumlah keseluruhan hutang. Jumlah hutang badan

berkanun yang dijamin Kerajaan meningkat kepada RM95.2 bilion berikutan terbitan bersih Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA), Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA). Sementara itu, hutang SABK berkurang kepada RM314.9 bilion disumbangkan terutamanya oleh bayaran balik prinsipal hutang luar pesisir yang matang. Hutang sektor awam kekal terurus memandangkan sebahagian besar hutang adalah berdenominasi ringgit.

**JADUAL 3.6. Hutang Sektor Awam
2021 – 2022**

KOMPONEN	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ¹	2021	2022 ¹	2021	2022 ¹
Kerajaan Persekutuan	979,814	1,074,779	70.6	72.4	63.4	60.1
Dalam negeri	950,084	1,044,578	68.5	70.4	61.5	58.4
Luar pesisir	29,730	30,201	2.1	2.0	1.9	1.7
Badan berkanun	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
Dalam negeri	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
antaranya: Dijamin	91,300	95,168	6.6	6.4	5.9	5.3
Luar pesisir	-	-	-	-	-	-
Syarikat awam bukan kewangan	316,752	314,856	22.8	21.2	20.5	17.6
Dalam negeri	185,309	185,241	13.3	12.5	12.0	10.4
antaranya: Dijamin	185,309	185,241	13.3	12.5	12.0	10.4
Luar pesisir	131,443	129,615	9.5	8.7	8.5	7.2
antaranya: Dijamin	27,778	29,268	2.0	2.0	1.8	1.6
Jumlah	1,387,866	1,484,803	100.0	100.0	89.8	83.0

¹ Akhir September 2022

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Kementerian Kewangan Malaysia

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Pendedahan hutang dan liabiliti merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan dan obligasi kewangan lain iaitu komitmen jaminan, hutang 1MDB dan liabiliti lain meliputi komitmen bagi projek-projek di bawah kerjasama awam swasta (PPP) dan inisiatif pembiayaan swasta (PFI). Pada akhir 2022, jumlah pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan dianggarkan sebanyak RM1,445.9 bilion atau 80.9% daripada KDNK.

**JADUAL 3.7. Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan
2021 – 2022**

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ¹	2021	2022 ¹
Hutang Kerajaan Persekutuan	979.8	1,079.6	63.4	60.4
Komitmen jaminan	197.3	205.9	12.8	11.5
1Malaysia Development Berhad	32.1	18.2	2.1	1.0
Liabiliti lain	151.1	142.2	9.8	8.0
Jumlah	1,360.3	1,445.9	88.1	80.9

¹ Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Jaminan Kerajaan

Jumlah GG terkumpul pada akhir 2022 dianggarkan sebanyak RM317.6 bilion atau 17.8% daripada KDNK (2021: RM310.4 bilion; 20.1%). Terdapat terbitan baharu oleh DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra), Prasarana Malaysia Berhad (Prasarana) dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. (MRL) untuk membiayai projek infrastruktur pengangkutan awam sedia ada, LPPSA bagi fasiliti pinjaman perumahan kepada penjawat awam, PTPTN untuk pinjaman pendidikan serta FELDA untuk langkah penstrukturkan semula dan rehabilitasi. Walau bagaimanapun, jumlah GG terkumpul menyederhana sebanyak 2.3% berikutan penyelesaian pembiayaan untuk beberapa pemegang GG seperti Perbadanan Kemajuan Negeri Pahang dan Johor Corporation serta penebusan awal hutang oleh Senai Airport Terminal Services Sdn. Bhd. dan Penerbangan Malaysia Berhad.

Jaminan pinjaman yang memerlukan bantuan kewangan dalam pelbagai bentuk termasuk peruntukan awal untuk projek dalam pembinaan atau fasa permulaan operasi, bantuan modal kerja dan pembayaran faedah adalah diklasifikasikan sebagai komitmen jaminan. Kebanyakan projek adalah projek berimpak tinggi berpaksikan rakyat seperti penyediaan infrastruktur dan pengangkutan. Pada masa ini, komitmen jaminan turut mengambil kira jaminan yang disediakan di bawah Seksyen 14, Akta Tatacara Kewangan 1957. Pada akhir 2022, komitmen jaminan dianggarkan sebanyak RM205.9 bilion (2021: RM197.3 bilion) berikutan terbitan pembiayaan baharu oleh entiti seperti MRL, DanaInfra dan Prasarana untuk projek sedia ada.

Jumlah hutang terkumpul 1MDB pada akhir 2022 berkurang kepada RM18.2 bilion (2021: RM32.1 bilion) berikutan penebusan hutang bagi 1MDB Energy Ltd pada Mei 2022 dan

JADUAL 3.8. Penerima Utama Jaminan Pinjaman 2021 – 2022

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN DARIPADA KDNK (%)	
	2021	2022 ²	2021	2022 ²	2021	2022 ²
DanaInfra Nasional Berhad	78,765	82,680	25.4	26.0	5.1	4.6
Prasarana Malaysia Berhad	40,164	42,369	12.9	13.3	2.6	2.4
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	38,550	42,250	12.4	13.3	2.5	2.4
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	40,000	41,500	12.9	13.1	2.6	2.3
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	25,726	30,851	8.3	9.7	1.7	1.7
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	3.5	3.5	0.7	0.6
Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan	6,420	7,918	2.1	2.5	0.4	0.4
Pengurusan Air SPV Berhad	8,025	6,775	2.6	2.1	0.5	0.4
Khazanah Nasional Berhad	9,000	6,500	2.9	2.1	0.6	0.4
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	7,179	6,485	2.3	2.0	0.4	0.4
Jumlah penerima utama	264,829	278,328	85.3	87.6	17.1	15.6
Lain-lain penerima	45,558	39,289	14.7	12.4	3.0	2.2
Jumlah jaminan pinjaman	310,387	317,617	100.0	100.0	20.1	17.8

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran mata wang

² Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

JADUAL 3.9. Komitmen Jaminan
2021 – 2022

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2021	2022 ²	2021	2022 ²
DanaInfra Nasional Berhad	78,765	82,680	39.9	40.1
Prasarana Malaysia Berhad	40,164	42,369	20.3	20.6
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ¹	25,726	30,851	13.0	15.0
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	21,526	22,403	10.9	10.9
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ¹	7,179	6,485	3.6	3.1
Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ¹	5,470	5,421	2.8	2.6
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310	4,810	2.7	2.3
GovCo Holdings Berhad	5,700	4,625	2.9	2.3
MKD Kencana Sdn. Bhd.	4,500	4,500	2.3	2.2
TRX City Sdn. Bhd.	1,141	1,150	0.6	0.6
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	700	600	0.4	0.3
Assets Global Network Sdn. Bhd.	152	51	0.1	0.0
SRC International Sdn. Bhd.	985	-	0.5	-
Jumlah	197,318	205,945	100.0	100.0

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran mata wang² Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

1MDB Energy (Langat) Ltd pada Oktober 2022 menggunakan dana daripada Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset. Baki Akaun Amanah pada akhir 2022 dianggarkan sebanyak RM1.9 bilion akan digunakan untuk membayar faedah bagi baki hutang prinsipal.

JADUAL 3.10. Hutang 1MDB
2022

KOMPONEN	KADAR (%)	TEMPOH MATANG	PRINSIPAL (RM BILION)
Surat Sokongan			
Bon Global Investment Limited (USD3 bilion)	4.44	Mac 2023	13.2 ¹
Jaminan Kerajaan			
Sukuk	5.75	Mei 2039	5.0
Jumlah			18.2

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran mata wang

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Penebusan bon 1MDB Global Investment Limited pada Mac 2023 berjumlah USD3 bilion telah diperuntukkan dalam Bajet 2023. Penebusan hutang prinsipal 1MDB terakhir berjumlah RM5 bilion akan diselesaikan pada Mei 2039.

Liabiliti Lain

Pada akhir 2022, komitmen tunai projek PPP dan obligasi kewangan projek PFI berjumlah RM142.2 bilion (2021: RM151.1 bilion). Terdapat 105 projek PPP sedang dalam pelaksanaan dengan anggaran komitmen tunai sebanyak RM92.1 bilion (2021: RM97.8 bilion), manakala liabiliti keseluruhan PFI dianggar berjumlah RM50.1 bilion (2021: RM53.3 bilion). Projek PFI meliputi naik taraf sekolah, universiti dan pusat latihan serta pembaikan dan penyelenggaraan bangunan Kerajaan Persekutuan.

Tinjauan Terkini 2023



Kerajaan akan meneruskan kitaran balas dasar fiskal bagi membina kemampuan dan kemakmuran Malaysia melalui penerapan keterangkuman dan kesaksamaan di seluruh negara dalam memastikan kesejahteraan rakyat. Pinjaman pada 2023 dijangka mencapai 12.2% daripada KDNK antaranya bagi membiayai program dan projek pembangunan *Rolling Plan Ketiga* di bawah RMKe-12 serta penyebusan bon 1MDB yang matang pada Mac 2023. Di samping itu, pembukaan semula MGII Lestari dalam suku tahun pertama membuktikan komitmen Kerajaan dalam menyokong agenda kemampuan, inklusif dan berdaya tahan. Kerajaan akan mengutamakan sumber pinjaman daripada pasaran domestik mengambil kira kecairan yang mencukupi. Oleh itu, hutang Kerajaan Persekutuan dijangka mencecah sekitar 62% daripada KDNK pada akhir 2023. Kerajaan secara konsisten komited untuk mengurus tahap keberhutungan dalam jangka masa sederhana di samping memastikan pertumbuhan yang mampan.

Pelaksanaan projek PPP juga akan ditambah baik melalui model PPP 3.0 yang menyediakan rangka kerja strategik dari aspek tadbir urus,

penyampaian perkhidmatan, pembiayaan dan pendekatan pelaksanaan projek bagi mencapai keberhasilan dan nilai faedah terbaik. Pada masa yang sama, Kerajaan turut menekankan kepentingan pengukuhan tadbir urus, membanteras ketirisan dan melaksanakan amalan terbaik kewangan awam bagi menangani pendedahan liabiliti luar jangka.


Kesimpulan

Sejajar dengan trajektori konsolidasi fiskal, Kerajaan bertekad untuk menambah baik kemampuan keberhutangan dan kemampuan hutang dalam jangka masa sederhana dan panjang disokong oleh inisiatif pembaharuan fiskal. Pemantauan berterusan pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan akan memastikan Kerajaan mampu untuk mengurus dan menambah baik tahap keberhutungan sewajarnya, mengurangkan risiko serta meningkatkan usaha ke arah kewangan awam yang kukuh. Kerajaan komited untuk mengurangkan hutang Kerajaan Persekutuan secara beransur-ansur ke paras prakrisis dan membina semula ruang fiskal dalam mendepani ketidaktentuan pada masa hadapan.


RAJAH 3.1. Terbitan mengikut Tempoh Matang**RAJAH 3.2.** Kadar Hasil Indikatif MGS**RAJAH 3.3.** Komposisi Hutang Kerajaan Persekutuan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Bank Negara Malaysia dan Bloomberg


RAJAH 3.4. Hutang Kerajaan Persekutuan mengikut Pemegang




RAJAH 3.5. Pemegangan Hutang dalam Denominasi Ringgit oleh Bukan Pemastautin




RAJAH 3.6. Bayaran Khidmat Hutang



RAJAH 3.7. Jaminan Pinjaman Terkumpul



RAJAH 3.8. Pendedahan Liabiliti Kerajaan Persekutuan



¹Akhir September 2022

²Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia